

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 12 May, 2020 1:14 PM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: Fw: UUM Terima Sumbangan 7,000 Sarung Tangan

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 24 April 2020 13:57
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: UUM Terima Sumbangan 7,000 Sarung Tangan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 APRIL 2020 / 1 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

UUM TERIMA SUMBANGAN 7,000 SARUNG TANGAN



UUM ONLINE: UUM telah menerima sumbangan sebanyak 7,000 sarung tangan daripada Rubberex Alliance Sdn. Bhd. bagi kegunaan petugas barisan hadapan UUM sepanjang tempoh Perintah Pergerakan Kawalan (PKP) ini.

Naib Presiden Rubberex Alliance Sdn. Bhd., Sabri Abdul Hamid berkata, pemberian sarung tangan ini adalah sebagai penghargaan kepada frontliners UUM yang bertungkus-lumus menjalankan tanggungjawab menjaga kesihatan dan keselamatan warga kampus.

Menurutnya, sumbangan kecil itu merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) Rubberex Alliance kepada universiti.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, pemberian itu adalah tepat pada masanya dan cukup bermakna untuk digunakan dalam tempoh PKP.

“Alhamdulillah, UUM sangat berbesar hati dengan keprihatinan yang ditunjukkan, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam urusan kerja harian kepada staf yang terlibat sebagai *frontliner*.”

“Sarung tangan yang diterima ini telah disalurkan kepada beberapa Pusat Tanggungjawab penting seperti Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UUMIT, Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan, Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari,” katanya.

Beliau mewakili Naib Canselor mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Rubberex Alliance Sdn. Bhd. di atas sumbangan tersebut.

Dekan HEP, Dr. Massudi Mahmuddin berkata, beliau berterima kasih di atas ingatan Rubberex Alliance yang menyumbangkan sarung tangan berkenaan.

Menurutnya, sumbangan itu sangat bermakna kepada petugas di Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang memerlukannya sepanjang tempoh PKP ini.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.